

Headline	HIV/AIDS: MAC runding dengan syarikat insurans		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	13 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	4	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	51 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 99
Frequency	Daily	PR Value	RM 297



HIV/AIDS: MAC runding dengan syarikat insurans

KUALA LUMPUR: Majlis AIDS Malaysia (MAC) sedang berunding dengan syarikat insurans bagi menanggung kos perubatan untuk penyakit HIV/AIDS.

"MAC membelanjakan RM30 juta setahun untuk tablet terapi antiretroviral (ART), ubat untuk menyekat virus HIV/AIDS," kata Presiden MAC Tan Sri Mohd Zaman Khan Rahim Khan pada sidang media pada Forum Perniagaan mengenai Pendidikan dan Pencegahan HIV/AIDS di sini kelmarin.

Beliau juga berkata kerajaan juga telah meneraju usaha pencegahan penyakit itu daripada merebak dengan membiayai MAC sebanyak hampir 100 peratus, dengan geran kerajaan yang diterima tahun lepas berjumlah RM10 juta.

"Sektor korporat perlu terus mengambil individu positif HIV, supaya mereka dapat membiayai kos rawatan, dan pada masa yang sama mendidik pekerja masing-masing mengenai penyakit itu," katanya.

Forum setengah hari itu dianjurkan bersama antara Yayasan Aids Malaysia dan MAC. Ia disokong oleh Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur.

Dianjurkan bersempena Hari AIDS Sedunia 2011, forum itu mengetengahkan program pendidikan dan pencegahan yang inovatif oleh sektor perniagaan bagi menangani krisis HIV/AIDS, strategi baharu untuk masa depan.-Bernama